



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JPWPKL.600-4/2/34 (2)
Tarikh : 16 Mac 2021

**Pengetua/Guru Besar
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

YBhg. Datin/Tuan/Puan,

**JEMPUTAN MENYERTA PERTANDINGAN VIDEO LOMPAT TALI PRESTASI TINGGI SECARA
DALAM TALIAN PERINGKAT NEGERI DAN KEBANGSAAN 2021**

Dengan sukacitanya perkara di atas dan surat daripada Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) no. rujukan KPM.600-5/6/2 Jld. 7 (89) bertarikh 9 Mac 2021 adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Persekutuan Lompat Tali Malaysia akan menganjurkan Pertandingan Video Lompat Tali Prestasi Tinggi Peringkat Negeri dan Kebangsaan 2021. Penyertaan dibuka kepada murid sekolah rendah dan menengah secara dalam talian.
3. Sehubungan dengan itu, pihak JPWPKL **menggalakkan** murid mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Bersama-sama ini disertakan surat berkenaan yang jelas menerangkan maksudnya untuk makluman dan tindakan tuan.
4. Sila hubungi **Tuan Haji Syaiful Anwar Haji Ishak (Presiden Persekutuan Lompat Tali Malaysia)**, melalui talian **03-60916100/012-2295101** atau **Encik Faizul (Penyelaras Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)**, melalui talian **012-6328064** untuk sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(ZAINAL BIN ABAS)
Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

HMS/1M1S/2021/MyDoc



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Ministry of Education Malaysia
BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN
Sports, Co-curricular And Arts Division
Aras 1, 6 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 88841002/88841333
Faks : +603 88841034/88886790
Laman Web : www.moe.gov.my

KPM.600-5/6/2 Jld.7 (89)
9 Mac 2021

Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri
(Seperti Senarai Edaran)

YBhg.Datuk/Dr./Tuan/Puan,

**JEMPUTAN MENYERTAI PERTANDINGAN VIDEO LOMPAT TALI PRESTASI
TINGGI SECARA DALAM TALIAN PERINGKAT NEGERI DAN KEBANGSAAN 2021**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat permohonan kelulusan dan hebahan penganjuran **Pertandingan Video Lompat Tali Prestasi Tinggi Peringkat Negeri dan Peringkat Kebangsaan secara dalam talian** daripada **Persekutuan Lompat Tali Malaysia** no rujukan: MYJuRF/AM/bil2.21 bertarikh 2 Mac 2021 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman pihak YBhg.Datuk/Dr./Tuan/Puan, Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan surat tiada halangan nombor rujukan **KPM.600-5/6/12/ Jld 7 (86)** bertarikh **5 Mac 2021** bagi penglibatan murid sekolah rendah dan sekolah menengah menyertai pertandingan tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg.Datuk/Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk memanjangkan maklumat pertandingan yang disertakan kepada sekolah-sekolah di bawah tanggungjawab Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi penganjur pertandingan **Tn. Haji Syaiful Anwar Hj. Ishak (Presiden Persekutuan Lompat Tali Malaysia)** di talian **03-60916100 / 012-2295101** atau emel **myjurf@yahoo.com**.

Sekian. Terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI RAZUKI BIN A. RAHIM)
b.p Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

S.k.: 1.Semua Ketua Pen. Pengarah Sektor Pembangunan Murid
2.Persekutuan Lompat Tali Malaysia

SENARAI EDARAN

1. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
2. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
3. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
4. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
5. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
6. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
7. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
8. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
9. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
10. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
11. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
12. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
13. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
14. Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
15. Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
16. Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan



PERSEKUTUAN LOMPAT TALI MALAYSIA
(MALAYSIAN JUMP ROPE FEDERATION)

No 61, Jalan SJ 1, Taman Setia Jaya, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan,

Tel : 603-60916100 Fax : 603-60916101

Email : jfh_services@yahoo.com / myjurf@yahoo.com

Website : <http://www.jumpropemalaysia.com>

Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum Dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 7, Blok E 13, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

2 Mac 2021
MYJuRF/ AM / bil.2/21

Tuan

MEMOHON KELULUSAN DAN HEBAHAN PENGANJURAN PERTANDINGAN VIDEO LOMPAT TALI PRESTASI TINGGI PERINGKAT NEGERI DAN KEBANGSAAN 2021

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, berikutan dengan sambutan yang sangat baik diterima didalam Pertandingan Video Lompat Tali pada tahun lepas maka Persekutuan Lompat Tali Malaysia sekali lagi berhasrat untuk mengadakan Pertandingan Video Lompat Tali Prestasi Tinggi Peringkat Negeri dan Kebangsaan 2021.

3. Objektif pertandingan ini adalah untuk melahir dan mencungkil bakat dikalangan pelajar sekolah dan universiti didalam Sukan Lompat Tali Prestasi Tinggi disamping dapat mengekalkan stamina dan kemahiran Atlet Lompat Tali sedia ada dengan latihan yang berkala.

4. Bersama ini disertakan Kertas Kerja Pertandingan untuk kelulusan dan hebahan pihak tuan ke Jabatan Pendidikan Negeri. Besar harapan kami agar pihak tuan membenarkan penganjuran ini dan sudi untuk bekerjasama dalam merealisasikan hasrat yang murni ini.

5. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan kami di talian 03-60916100 / 0122295101.

Sekian, terima kasih

Yang benar

HJ SYAIFUL ANWAR HJ ISHAK
Presiden

Pertandingan Video Lompat Tali Prestasi Tinggi Peringkat Negeri & Kebangsaan 2021

15 MAC - 18 MEI 2021



RUJUKAN:
PERSEKUTUAN LOMPAT TALI MALAYSIA
DEPT. KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA
DEPT. KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PERSEKUTUAN LOMPAT TALI NEGERI


Video Perlu Dihantar Kepada Persatuan
Lompat Tali Negeri Sebelum 9 April 2021

Sila Hubungi Penyelaras yang Terlibat:

WP Kuala Lumpur	: En Faizul 012-6328064
WP Putrajaya	: Tn Bismi Izani 012-3625010
Selangor	: En Sabi 010-8317389
Melaka	: En Shamil 017-2879177
N. Sembilan	: En Syam 019-3293010
Johor	: Pn Hj Habibah 016-7732718
Pahang	: Pn Maznah 019-9641889
Terengganu	: Cik Suraya 013-9398764
Kelantan	: En Tajol 017-9181869
Perlis	: En Saifull 012-4004128
Kedah	: Pn Shakirah 016-4263190
Penang	: Pn Linda 017-3773267
Perak	: Dr Siew 012-8020700
Sabah	: Pn Mary 011-51840572
Sarawak	: En Kassim 013-8133634
WP Labuan	: En Bob 014-6523839

Untuk Keterangan Lanjut Sila Hubungi Penyelaras Pertandingan Video
Lompat Tali Prestasi Tinggi Peringkat Negeri & Kebangsaan 2021

Pertandingan Video Lompat Tali Prestasi Tinggi Peringkat Negeri & Kebangsaan 2021



KATEGORI PERTANDINGAN

MARA PERTANDINGAN

KATEGORI PERTANDINGAN	UMUR	PERYERTAAN
1X30s Single Rope Speed (SR5)	Bawah 10	PENYERTAAN RM 3.00 JETAP VIDEO
	11 - 12	
	13 - 15	
	16 - 17	
1X180s Single Rope Speed (SR5)	18 - 21	
	Bawah 10	
	11 - 12	
	13 - 15	
1X30s Single Rope Double Under Speed (SRDUS)	16 - 17	
	18 - 21	
	Bawah 10	
	11 - 12	
Consecutive Triple Under (CTU)	13 - 15	
	16 - 17	
	18 - 21	
	Bawah 10	
Single Rope Freestyle (SRF) (45 - 75s)	11 - 12	
	13 - 15	
	16 - 17	

Tarikh Pertandingan Video Lompat Tali :-

Peringkat Negeri: 15 Mac - 15 April 2021

Peringkat Kebangsaan: 30 April - 3 Mei 2021

Tarikh Pengumuman Pemenang :-

Peringkat Negeri: 25 April 2021

Peringkat Kebangsaan: 10 Mei 2021

Setiap Video yang Dihantar Perlu Disertakan :

Nama Peserta, No.KP, Umur, Nama Sekolah, Alamat Sekolah, Jantina, Nama Jurulatih, No. Hp Jurulatih & Acara Pertandingan. Setiap Video Perlu Dihantar Menggunakan Aplikasi Telegram dan Dihantar Kepada Penyelaras Pertandingan Video Lompat Tali Prestasi Tinggi Peringkat Negeri & Kebangsaan 2021.

Setiap Video yang Dihantar Perlu Disertakan :
Nama Peserta, No.KP, Umur, Nama Sekolah, Alamat Sekolah, Jantina, Nama Jurulatih, No. Hp Jurulatih & Acara Pertandingan. Setiap Video Perlu Dihantar Menggunakan Aplikasi Telegram dan Dihantar Kepada Penyelaras Pertandingan Video Lompat Tali Prestasi Tinggi Peringkat Negeri & Kebangsaan 2021.



**KERTAS KERJA
PERTANDINGAN VIDEO LOMPAT TALI
PRESTASI TINGGI PERINGKAT NEGERI &
KEBANGSAAN 2021**



DISEDIAKAN OLEH :
PERSEKUTUAN LOMPAT TALI MALAYASIA
NO 63A JALAN SJ1, TAMAN SETIA JAYA
48000 RAWANG SELANGOR
TEL : 03-60916100 FAKS :03-60944993
EMAIL : myjurf@yahoo.com
WEBSITE : www.malaysiajumprope.com

KERTAS KERJA
PENGANJURAN PERTANDINGAN VIDEO LOMPAT TALI PRETASI
TINGGI PERINGKAT NEGERI DAN KEBANGSAAN 2021

1. TUJUAN

- 1.1 Kertas kerja ini bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi Penganjuran Pertandingan Video Lompat Tali Prestasi Tinggi Peringkat Negeri dan Kebangsaan 2021.

2. PENGENALAN

- 2.1 Program Lompat Tali yang diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia pada tahun 1999 telah berjaya menarik minat khususnya golongan belia dan pelajar sekolah rendah dan menengah. Sehingga kini, sejak diperkenalkan Lompat Tali telah memberikan banyak kebaikan kepada semua kanak-kanak dan remaja melalui disiplin-disiplin yang pertandingan. Di samping dapat meningkatkan sikap kerjasama, disiplin latihan yang tinggi, keberanian dan lain-lain lagi. Lompat Tali telah dapat mewujudkan kerjasama di kalangan banyak kaum di Malaysia.
- 2.2 Sukan Lompat Tali telah diadaptasikan di dalam program 1Murid 1Sukan sejak tahun 2016 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Melalui program yang dijayakan ini ia telah mengembangkan Sukan Lompat Tali ke seluruh pelusuk tanah air.
- 2.3 Persekutuan Lompat Tali Malaysia sejak penubuhannya pada tahun 2003 telah berjaya menjadi sebuah Persekutuan yang disegani peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Banyak penganjuran aktiviti seperti bengkel, demonstrasi dan pertandingan telah berjaya dilaksanakan. Persekutuan juga telah mempunyai 14 ahli gabungan yang terdiri dari Persatuan Sukan Lompat Tali Negeri.
- 2.4 Pada tahun 2020 Persekutuan telah menjayakan Pertandingan Video Lompat Tali Prestasi Tinggi Peringkat Negeri dan Kebangsaan dan telah menerima 1700 video seluruh Malaysia.

3. MATLAMAT PERSEKUTUAN

- 3.1 Matlamat Persekutuan ini adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat terutama kanak-kanak dan remaja tentang kepentingan mengekalkan jantung yang sihat melalui aktiviti Lompat Tali.

4. OBJEKTIF PERSEKUTUAN

- 4.1. Menjayakan konsep pelaksanaan dasar "Sukan Untuk Semua" dan konsep "Malaysia Cergas" melalui kegiatan persekutuan ini.
- 4.2. Menggalakkan, meningkatkan dan menyelaraskan segala bentuk aktiviti Lompat Tali di dalam negeri mahupun negara.
- 4.3. Mengelola dan menaja dan mengambil bahagian di dalam segala bentuk kegiatan atau aktiviti Lompat Tali di peringkat kebangsaan.
- 4.4. Memupuk nilai-nilai murni dari segi rohani, jasmani dan meningkatkan akhlak dan iktisas di kalangan ahli.
- 4.5. Mewujudkan semangat persahabatan dan persefahaman serta perpaduan di kalangan ahli tanpa mengira bangsa, agama serta keturunan menerusi aktiviti lompat tali.
- 4.6. Memastikan prosedur pemilihan bagi ahli sukan, pegawai, jurulatih dan mana-mana orang lain untuk mewakili negara dalam sukan lompat tali adalah terbuka dan adil.

5. OBJEKTIF PENGANJURAN

- 5.1 Melahir dan mencungkil bakat para pelajar dalam Sukan Lompat Tali Prestasi Tinggi
- 5.2 Dapat mengekalkan stamina dan kemahiran Atlet Lompat Tali sediaada dengan latihan berkala
- 5.3 Mencipta peluang baharu dalam kejohanan secara dalam talian walau masih dalam suasana PKP/PKP/PKPP

6. MODUS OPERANDI

- 6.1 Pada tahun 2020 Persekutuan telah menganjurkan Kursus Kejurulatihan dan Pengadilan Lompat Tali Prestasi Tinggi Peringkat Zon Tengah, Zon Pantai Timur, Zon Utara dan Zon Sabah pada bulan Ogos hingga Disember 2021 .
- 6.2 Guru-guru yang dilatih akan mengajar dan membimbing murid – murid untuk menyertai pertandingan video Lompat Tali Prestasi Tinggi. Pendedahan pengadilan pula telah meningkatkan lagi keyakinan guru dalam mengadakan pertandingan diperingkat sekolah masing-masing.
- 6.3 Semua video akan dihantar kepada Persatuan Sukan Lompat Tali Negeri dan penilaian akan dibuat oleh Persatuan.

7. SYARAT AM PERTANDINGAN LOMPAT TALI PERINGKAT NEGERI

- 7.1 Penghantaran video pertandingan diperingkat negeri adalah bermula pada **15 Mac - 15 April 2021**.
- 7.2 Acara yang dipertandingkan ialah seperti berikut :

Bil	Acara	Masa
1.	Speed	30 Saat
2.	Speed	3 Minit
3.	Double Under	30 Saat
4.	Triple Under	Tiada Had Limit Masa (Berhenti sekiranya pertama kali tersangkut)
5.	Freestyle	45 – 75 Saat

- 7.3 Setiap sekolah boleh menghantar 3 penyertaan sahaja untuk setiap acara mengikut umur.
- 7.4 Pemenang acara Speed akan dikira melalui lompatan terbanyak mengikut masa dan acara yang dipertandingkan manakala pemenang acara Freestyle akan dinilai melalui pungutan markah tertinggi. Pemarkahan dari sudut *Content (Difficulty & Density)* juga *Presentation (Technical Presentation & Entertainment Value)* akan dinilai.
- 7.5 Pemenang peringkat negeri akan diumumkan pada 25 April 2021 melalui laman web www.jumpropemalaysia.com dan juga Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing.
- 7.6 Setiap penyertaan berhak menerima sijil penyertaan dan sijil pemenang peringkat negeri.
- 7.7 Setiap penyertaan video yang dihantar akan dikenakan bayaran RM 3.00 untuk menampung kos data internet, sijil, pengurusan dan bayaran pengadil pertandingan dan yuran penyertaan boleh dibayar kepada Persatuan Sukan Lompat Tali Negeri masing-masing
- 7.8 Semua video penyertaan perlu dihantar ke Urusetia Persatuan Lompat Tali Negeri masing-masing seperti di dalam risalah yang dibekalkan. Daftar penyertaan perlu dihantar melalui pautan kepada wakil negeri yang akan dimaklumkan oleh Persatuan Sukan Lompat Tali Negeri masing-masing. Manakala video perlu dihantar melalui aplikasi Telegram
- 7.9 Untuk pemenang diperingkat negeri tiada had lompatan ditetapkan. Pemenang yang berjaya membuat lompatan paling tinggi akan

diambil kira untuk kedudukan johan, naib johan, ketiga, keempat dan kelima. Pemenang iaitu **Johan dan Naib Johan akan mewakili negeri masing-masing ke peringkat kebangsaan.**

7.10 Guru-guru dan Persatuan Lompat Tali Negeri perlu memastikan semua SOP yang ditetapkan oleh MKN dan KKM akan dipatuhi sebaiknya termasuk Garis Panduan Pelaksanaan Kokurikulum sepanjang musim PKP/PKPB/PKPP

8. SYARAT AM PERTANDINGAN LOMPAT TALI PERINGKAT KEBANGSAAN

8.1 Penghantaran video pemenang pertandingan diperingkat negeri kepada urusetia kebangsaan oleh Persatuan Sukan Lompat Tali Negeri adalah bermula pada 30 April - 3 Mei 2021.

8.2 Setiap negeri akan menghantar 2 penyertaan Johan dan Naib Johan Peringkat Negeri untuk setiap acara mengikut umur. Penilaian pemenang adalah berdasarkan kepada jadual dibawah bagi mengekalkan pencapaian standard peringkat kebangsaan.

Bil	Acara	Masa	Minima Lompatan
1.	Speed	30 Saat	Lelaki : 70 Perempuan : 60
2.	Speed	3 Minit	Lelaki : 300 Perempuan : 260
3.	Double Under	30 Saat	Lelaki : 65 Perempuan : 55
4.	Triple Under	Tiada Had Limit Masa	Lelaki : 60 Perempuan : 15
5.	Freestyle	45 – 75 Saat	Tiada

- 8.3 Setiap penyertaan berhak menerima sijil penyertaan dan sijil pemenang peringkat kebangsaan.
- 8.4 Pemenang johan, kedua dan ketiga yang layak dan juga menepati pencapaian standard peringkat kebangsaan akan diumumkan. Sekiranya tiada peserta mencapai tahap tersebut maka tiada pemenang akan diumumkan. Pemenang peringkat Kebangsaan akan diumumkan pada 18 Mei 2021 melalui laman web www.jumpropemalaysia.com

9. SYARAT PENETAPAN DAN PENYERAHAN VIDEO

- 9.1 Video yang dihantar tidak boleh mengandungi sebarang unsur suntingan dan sebagainya. Sekiranya didapati disunting penyertaan akan ditolak dan akan dibatalkan.
- 9.2 Resolusi minimum untuk video adalah 720p (tanpa sebarang bunyi latar yang jelas atau mengganggu)
- 9.3 Untuk acara Speed kotak pertandingan 1.5m x 1.5m perlu dibuat. Manakala posisi kamera haruslah diletakkan secara berhadapan dengan jelas diambil memenuhi ruang penuh screen kamera. Tali dan peserta perlu dapat dilihat dengan jelas untuk pengadil mengira markah.
- 9.4 Untuk acara Freestyle kotak pertandingan 4m x 4m perlu dibuat. Posisi kamera haruslah diletakkan secara berhadapan dengan jelas diambil memenuhi kotak pertandingan. Tali dan peserta perlu dapat dilihat dengan jelas untuk pengadil memberi markah.


9.5 Video mestilah dihantar dan diterima dalam tempoh masa yang ditetapkan

9.6 Jika terdapat penyertaan yang tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan maka penyertaan akan dibatalkan

10. RISALAH PERTANDINGAN

Pertandingan Video Lompat Tali Prestasi Tinggi Peringkat Negeri & Kebangsaan 2021

15 MAC - 18 MEI 2021



ANJURAN:
PERSEKUTUAN LOMPAT TALI MALAYSIA

DENGAN KERJASAMA:
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PERSATUAN LOMPAT TALI NEGERI

Untuk Keterangan Lanjut Sila Hubungi Penyelaras Pertandingan Video Lompat Tali Prestasi Tinggi Peringkat Negeri & Kebangsaan 2021

Video Perlu Dihantar Kepada Penyelaras Pertandingan Lompat Tali Negeri Sebelum 9 April 2021


Sila Hubungi Penyelaras yang Terkikut

WP Kuala Lumpur	: En Faizul 012-6328064
WP Putrajaya	: Tn Biemi Izani 012-3625010
Selangor	: En Sabi 010-8917389
Melaka	: En Shamal 017-2879177
N. Sembilan	: En Syam 019-3293010
Johor	: Pn Hj Habibah 016-7732718
Pahang	: Pn Mazrinah 019-9641888
Terengganu	: Cik Suraya 013-9388764
Kelantan	: En Tajol 017-9181868
Perlis	: En Saiful 012-4004128
Kedah	: Pn Shakirah 016-4265790
Penang	: Pn Linda 017-3773267
Perak	: Dr Siew 012-8026700
Sabah	: Pn Mary 011-51840672
Sarawak	: En Keasim 013-6193634
WP Labuan	: En Bob 014-6523839

Pertandingan Video Lompat Tali Prestasi Tinggi Peringkat Negeri & Kebangsaan 2021

KATEGORI PERTANDINGAN

MISTER COMPETITION	Kategori	Sesi 10		Kategori Lelaki	Kategori Perempuan
		11 - 12	17 - 18		
MISTER COMPETITION	1X30s Single Rope Speed (SRS)	11 - 12	17 - 18	KATEGORI LELAKI	KATEGORI PEREMPUAN
		13 - 14	19 - 20		
		15 - 21			
	2X150s Single Rope Speed (SRS)	Sesi 15		KATEGORI LELAKI	KATEGORI PEREMPUAN
		11 - 12	13 - 15		
16 - 17		18 - 21			
3X30s Single Rope Double Under Speed (SDUS)	Sesi 10		KATEGORI LELAKI	KATEGORI PEREMPUAN	
	11 - 12	13 - 15			
	16 - 17	18 - 21			
Climbing Triple Under (CTU)	Sesi 10		KATEGORI LELAKI	KATEGORI PEREMPUAN	
	11 - 12	13 - 15			
	16 - 17	18 - 21			
Single Rope Practice (SRP) (45 - 75s)	Sesi 10		KATEGORI LELAKI	KATEGORI PEREMPUAN	
	11 - 12	13 - 15			
	16 - 17	18 - 21			



Tarikh Pertandingan Video Lompat Tali -
 Peringkat Negeri: 15 Mei - 16 April 2021
 Peringkat Kebangsaan: 22 April - 3 Mei 2021

Tarikh Pengumuman Pemegang -
 Peringkat Negeri: 26 April 2021
 Peringkat Kebangsaan: 18 Mei 2021

Setiap Video yang Dihantar Perlu Disertakan :
 Nama Peserta, No.KP, Umur, Nama Sekolah, Alamat Sekolah, Jantina, Nama Jurulatih, No. HP Jurulatih & Acara Pertandingan. Setiap Video Perlu Dihantar Menggunakan Aplikasi Telegram dan Dihantar Kepada Penyelaras Pertandingan Video Lompat Tali Prestasi Tinggi Peringkat Negeri & Kebangsaan 2021.

11. KESIMPULAN

Adalah diharapkan Kementerian Pendidikan Malaysia akan bersetuju untuk bekerjasama dan akan meluluskan permohonan penganjuran ini .

Semoga usaha ini akan memberikan banyak kebaikan kepada pelbagai pihak.